



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI

SAMBUTAN HARI SUNGAI SEDUNIA PERINGKAT KEBANGSAAN 2019

29 SEPTEMBER 2019

1. Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Selangor telah mengadakan perasmian sambutan **Hari Sungai Sedunia Peringkat Kebangsaan Tahun 2019** pada 29 September 2019 (Ahad) bertempat di Dataran Sungai Selangor, Ampang Pecah, Kuala Kubu Bharu, Selangor. Majlis perasmian ini telah disempurnakan oleh YB. Tengku Zulpuri Shah Bin Raja Puji, Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli. Tema sambutan **Hari Sungai Sedunia Tahun 2019** adalah ***“Waterways In Our Communities”***.
2. Hari Sungai Sedunia telah ditetapkan pada hari Ahad terakhir dalam bulan September pada setiap tahun sebagai acara tahunan yang dianjurkan oleh agensi-agensi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Ianya bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang tanggungjawab serta keperluan memelihara sungai agar sentiasa bersih dan indah.
3. Sungai merupakan sumber air tawar utama di Malaysia. Sungai menyumbang 97 peratus daripada keperluan sumber air negara. Selaras dengan Tema Hari Sungai Sedunia iaitu ***“Waterways in Our Communities”*** Kerajaan melalui KATS sentiasa berusaha untuk meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap kepentingan sungai dalam kehidupan. Kepentingan ini mengambil kira tuntutan

persekitaran yang semakin dinamik dan kompleks serta harapan masyarakat yang semakin mencabar. Masyarakat disarankan bersama-sama mengambil tanggungjawab untuk menjaga kelestarian alam sekitar dan sungai. Namun begitu, pada zaman ini sungai kian terancam dan terjejas akibat pembangunan yang tidak terkawal, pencemaran dan perubahan iklim.

4. Jumlah keseluruhan lembangan sungai di Malaysia adalah sebanyak 189 buah lembangan, termasuk 75 lembangan sungai di Sabah dan 40 lembangan sungai di Sarawak. Berdasarkan data program pengawasan kualiti air sungai di 471 sungai di Malaysia oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS), jumlah keseluruhan lembangan sungai adalah sebanyak 189, termasuk 75 lembangan sungai di Sabah dan 40 lembangan sungai di Sarawak. Pada tahun 2017, didapati sungai yang tercemar telah meningkat sehingga 11 peratus berbanding hanya 9 peratus pada tahun 2013, dengan sebahagian besar daripadanya berada di kawasan bandar. Daripada 477 sungai yang dipantau oleh Jabatan Alam Sekitar, 276 atau 58 peratus masih berada dalam keadaan bersih manakala 168 atau 35 peratus didapati mengalami sedikit pencemaran.
5. KATS melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah melaksanakan pendekatan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu/ *Integrated River Basin Management* (IRBM) yang merupakan pendekatan terbaik dan memerlukan penglibatan semua pihak bagi mencapai empat objektif utama IRBM iaitu **memastikan air mencukupi, memastikan air bersih, mengurangkan risiko banjir dan meningkatkan pemuliharaan alam sekitar**. Melalui pendekatan IRBM, program kesedaran awam merupakan salah satu pelan tindakan bukan struktur yang melibatkan masyarakat secara langsung dalam memberi impak jangka panjang kepada pemuliharaan dan pengindahan sungai. Beberapa langkah telah diambil oleh JPS bagi meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan alam sekitar dan sungai. Antara aktiviti yang telah dijalankan oleh JPS adalah melalui pelaksanaan *Public Outreach Programme* (POP) di bawah Projek *River of Life* (ROL).

6. Aktiviti-aktiviti yang diadakan pada majlis sambutan Hari Sungai Sedunia 2019 di Kuala Kubu Bharu, Selangor iaitu:-
- i. Senamrobik
 - ii. Pertandingan mewarna dan melibatkan kanak-kanak sekolah
 - iii. Sukaneka
 - iv. Pertandingan Fotografi
 - v. Gerai-gerai Jualan
7. Sempena sambutan Hari Sungai Sedunia ini, semua pihak seharusnya sedar bahawa sungai yang tercemar akan memberi kesan negatif dalam kehidupan harian. Ini kerana, pencemaran sungai membawa kepada pencemaran dalam rantai makanan dan akhirnya menyebabkan punca kepada pelbagai jenis penyakit. Oleh itu, pemeliharaan sungai menjadi tanggungjawab semua lapisan masyarakat di Malaysia. Sungai yang bersih adalah aset berharga kepada masyarakat dan negara.

KEMENTERIAN AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI

29 September 2019